

Jika Malaysia terus dikecam: PM

Tidak guna

17 AUG 1991

sertai sidang

Oleh MOHD SHAH ABDULLAH

SUBANG, Jumaat — Malaysia tidak akan menghadiri persidangan kemuncak ketua-ketua negara sedunia 'Earth Summit' anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Rio de Janeiro, Brazil, Jun depan jika kumpulan pendesak alam sekitar antarabangsa terus memburukkan Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata, jika kumpulan itu terus berniat buruk terhadap Malaysia, tidak ada gunanya Malaysia menghadiri dan mengambil bahagian dalam persidangan itu.

"Kalau mereka sudah membuat ke-

putusan untuk memburukkan Malaysia, tak payah lah kita hadir. Kalau itu niat mereka, ia bukan persidangan untuk mencari penyelesaian alam sekitar.

"Kita semua tahu alam sekitar tercermar di negara dunia ketiga bukan disebabkan oleh Malaysia tetapi mereka cuba menjadikan masalah Penan ini sebagai isu politik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Kolej Pakar Perubatan Am Malaysia, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai mengulas laporan majalah berbahasa asing yang berpusat di Washington, 'Executive Intelligence Review' yang memuatkan rencana bertajuk 'Environmentalists Declare World War On Malaysia'.

Rencana itu menyifatkan pencinta alam sekitar sebagai ganas kerana mahu menjadikan Malaysia sasaran utama kempen mereka. Kumpulan itu juga dikatakan mendesak supaya sekatan ekono-

mi dikenakan terhadap Malaysia untuk melumpuhkan ekonomi negara ini.

Sambil menyifatkan tindakan kumpulan pendesak itu sebagai imperialisme bentuk baru, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kumpulan itu akan menggunakan apa saja tindakan bagi meneruskan penjajahan mereka, terutama Malaysia yang kini kelihatan maju dan berani bersuara di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, adalah lebih baik negara-negara kecil dan lemah mengadakan persidangannya sendiri bagi membincangkan isu alam sekitar daripada menghadiri sidang kemuncak di Brazil untuk mendengar maki-hamun golongan pendesak.

"Mereka sendiri tidak berpegang kepada fakta bahawa negara maju turut mencemarkan alam sekitar," katanya.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini kerajaan masih belum membuat pendirian khusus untuk mengadakan persidangan itu, sebaliknya akan meneliti per-

LIHAT MUKA 2

Kumpulan pendesak tunjuk perasaan di 60 bandar

HARI MUKA 1991

kembangan selanjutnya oleh kumpulan yang menamakan diri mereka sebagai pergerakan alam sekitar.

Mereka kini dikatakan melancarkan 'peperangan' alam sekitar terhadap Malaysia secara berterusan sebelum berlangsungnya persidangan kemuncak itu.

Tindakan mereka itu dikatakan mempunyai hubungan rapat dengan isu pembakalan dan kaum Penan di Sarawak baru-baru ini. Kumpulan itu juga melancarkan beberapa tunjuk perasaan di beberapa negara Eropah dan Jepun dan akan mengisytiharkan 7 Oktober ini sebagai 'Hari Bertindak Untuk Kaum Penan.'

Di Jerman, kumpulan itu bersama Parti Hijau akan mengadakan tunjuk perasaan menentang perdagangan balak di 60 bandar.

Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak dapat berbuat apa-apa terhadap tindakan kumpulan pendesak itu kerana mereka yang terbabit adalah kuasa besar dan mempunyai banyak wang manakala Malaysia adalah sebuah negara kecil.

Datuk Seri Dr Mahathir juga yakin kumpulan itu didalangi oleh pelobi ekonomi yang membiayai perbelanjaan segala kegiatan mereka supaya dapat memecahkan undang-undang di negara ini.

"Dengan itu ia akan menimbulkan masalah supaya ekonomi Malaysia terjejas sehingga rakyat di sini miskin sedangkan rakyat mereka terus kaya. Mereka tidak ingin rakyat Malaysia bahagia.

"Kalau mereka lihat negara kita aman dan maju, mereka sedaya upaya mahu menjadikan keadaan rakyat kita kucar-kacir, miskin dan rakyatnya menderita, akhirnya kita minta sedekah kepada mereka. Pada masa itu barulah mereka menunjukkan simpati. Mereka lebih suka kepada negara yang tak mungkin maju," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan kumpulan itu mempunyai kaitan rapat di antara satu sama lain kerana rangkaian organisasinya yang kemas di seluruh dunia.

PBB mengadakan 'Earth Summit' di Rio de Janeiro, Brazil Jun depan bertujuan membincangkan isu berkaitan alam sekitar.

Persidangan antarabangsa itu akan dihadiri oleh ketua-ketua negara dari seluruh dunia. Perjanjian antarabangsa ekologi akan ditandatangani di persidangan itu bagi menentukan kegiatan perdagangan dan ekonomi untuk menyelamatkan alam sekitar akibat kegiatan perindustrian.